



**DPB50163 BUSINESS PROJECT DIPLOMA
PENGAJIAN PERNIAGAAN JABATAN
PERDAGANGAN SESI 1 2021/2022**

**TAJUK: APLIKASI IFFA KITCHEN PENSYARAH
KURSUS: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF
PENYELIA: PUAN MARSITAH BINTI ABDULLAH**

NAMA	NOMBOR MATRIK
NUR SHAMEERA BINTI SYED HUSAIN	10DPM19F2022
MUHAMMAD KHAIRIL AKHTAR BIN KHALIM	10DPM19F2048
NUR ATHIRAH ZUKI BINTI MOHD ZUKI	10DPM19F2056
NURUL AMYLIA BINTI MOHD ALI	10DPM19F2064

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Disemak oleh:

Nama Penyelia 1: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF Tandatangani

Penyelia:

Tarikh:

Disahkan Oleh:

Tandatangan Penyelia 2: PUAN MARSITAH BINTI ABDULLAH

Tarikh:

KAJIAN INOVASI REKA BENTUK APLIKASI DI PERNIAGAAN IFFA CAFE

1. Kami seperti nama di bawah,

NUR SHAMEERA BINTI SYED HUSSAIN (IC: 010707-14-0648)

MUHAMMAD KHAIRIL AKHTAR BIN KHALIM (IC: 020104-08-0809)

NUR ATHIRAH BINTI MOHD ZUKI (IC: 010713-02-0028)

NURUL AMYLIA BINTI MOHD ALI (IC: 010922-10-0796)

adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

2. Kami mengakui bahawa Aplikasi Iffa Kitchen dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil reka cipta saya tanpa mengambil atau meniru mana - mana harta intelek daripada pihak lain.

3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harga intelek Aplikasi Iffa Kitchen bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan kepada ahli

Diperbuat dan dengan sebenar- benarnya diakui oleh yang tersebut:

NUR SHAMEERA BINTI SYED HUSAIN :
(IC: 010707-14-0648) : *SHAMEERA*
: NUR SHAMEERA BINTI SYED
HUSSAIN

MUHAMMAD KHAIRIL AKHTAR BIN KHALIM :
(IC: 020104-08-0809) : *KHAIRIL*
: MUHAMMAD KHAIRIL
AKHTAR BIN KHALIM

NUR ATHIRAH BINTI MOHD ZUKI :
(IC: 010713-02-0028) : *ATHIRAH*
: NUR ATHIRAH BINTI MOHD
ZUKI

NURUL AMYLIA BINTI MOHD ALI :
(IC: 01092210-10-0796) : *AMYLIA*
: NURUL AMYLIA BINTI MOHD
ALI

Dihadapan kami

PUAN MARSITAH BINTI ABDULLAH :
Sebagai Penyelia Projek

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya diberikan peluang untuk kami membangunkan aplikasi Iffa Kitchen untuk Iffa Cafe bagi memenuhi keperluan kursus DPB50163 Business Project.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kursus Business Project iaitu Dr Rohani Binti M.M Yusoff kerana beliau telah banyak membantu dan juga banyak memberi tunjuk ajar kepada kami untuk menyiapkan projek ini.

Di samping itu, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada penyelia iaitu Puan Marsitah Binti Abdullah kerana beliau juga telah banyak membantu kami dari segi aspek idea-idea yang bernas, dan tenaga beliau untuk memastikan kami menyiapkan projek ini. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurus Iffa Cafe kerana memberi keizinan kepada kami untuk melaksanakan projek ini. Terima kasih juga kepada semua ahli kumpulan yang telah banyak memberikan kerjasama, menyumbang tenaga dan memberi idea dalam melaksanakan projek ini. Akhir sekali, kami mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini samada secara langsung atau tidak langsung.

Sekian terima kasih

ABSTRACT

Projek ini dihasilkan adalah untuk sebuah restoran yang menyediakan makanan seperti bakso dan pelbagai jenis makanan tempatan yang lain. Restoran ini merupakan sebuah

restoran makanan yang hanya mempunyai satu cawangan sahaja di Tikam Batu, Kedah. Bagi memudahkan pengumpulan maklumat dan kajian, kami memilih Iffa Cafe untuk menjalankan kajian. Tujuan projek ini dijalankan ialah untuk menyelesaikan masalah Iffa Cafe yang mengalami kekurangan pekerja serta memudahkan pengurusan operasi di Iffa Cafe. Pekerja di Iffa Cafe sebelum ini terpaksa melakukan banyak kerja serta sistem operasi harian menjadi tidak teratur. Mereka tidak dapat membuat penumpuan terhadap sesuatu pekerjaan malahan terpaksa membuat pelbagai kerja serentak dalam satu masa yang sama. Lanjutan daripada itu, penyediaan makanan di Iffa Cafe juga menjadi sangat lambat kerana tiada komitmen dan fokus dari pekerja untuk menyiapkan hidangan. Para pelanggan pula terpaksa menunggu dengan tempoh masa yang lama untuk menjamu selera. Bukan menunggu untuk menjamu selera sahaja malah, mereka terpaksa menunggu untuk pelayan mengambil pesanan mereka juga. Sumber dalam kajian ini adalah daripada sesi temubual bersama pengusaha Iffa Cafe, pekerja Iffa Cafe, internet dan jurnal. Kami menjalankan kajian ini berdasarkan objektif kajian yang dihasilkan iaitu, mengenalpasti samada aplikasi “Iffa Kitchen” membantu menguruskan operasi harian dengan lebih cekap, mengenal pasti samada aplikasi “Iffa Kitchen” mampu mengurangkan kos operasi Iffa Cafe yang tinggi dan mengenalpasti samada aplikasi “Iffa Kitchen” dapat mengurangkan isu pengurusan masa di kalangan pekerja.

SENARAI KANDUNGAN

BUTIRAN	Muka Surat
1.0 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Analisis Keperluan	6
1.5 Objektif Kajian	9
1.5.1 Objektif Am	
1.5.2 Objektif Projek	
1.6 Persoalan Projek	
1.7 Justifikasi Kajian	10
1.8 Skop Projek	11
1.9 Kepentingan Projek	12
1.10 Takrifan Istilah	
1.11 Rumusan	14
2.0 KAJIAN LAPANGAN	
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Kajian Terdahulu	
2.2.1 Keperluan Aplikasi	
2.2.2 Keberkesanan Aplikasi	21
2.2.3 Aplikasi Perniagaan	22
2.3 Rumusan	23

BAB 3: METODOLOGI / REKA BENTUK

3.1	Pendahuluan	23
3.2	Reka Bentuk	
3.2.1	Teknik Penghasilan Produk	23
3.2.2	Bahan Dan Peralatan	26
3.2.3	Kajian Rintis	30
3.2.4	Maklum Balas Kajian	
3.2.5	Penambahbaikan Produk	31
3.3	Kaedah Analisis Data	32
3.4	Impak Produk	33
3.5	Rumusan	34

Bab 4: Dapatan Kajian Dan Perbincangan

4.1	Pendahuluan	35
4.2	Dapatan Kajian	35
4.3	Perbincangan	40
4.4	Kos Yang Terlibat	
4.5	Rumusan	41

Bab 5: Kesimpulan

5.1	Pendahuluan	42
5.2	Kesimpulan	
5.3	Cadangan	43
5.4	Limitasi Projek	44
5.5	Rumusan	44

RUJUKAN	46
---------	----

LAMPIRAN	47
----------	----

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian dan projek yang dilakukan ini secara umumnya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sebuah perniagaan yang sedang berusaha untuk memulihkan semula prestasi jualan akibat daripada berlakunya perubahan SOP kerajaan terhadap sektor perniagaan akibat perkembangan kes Covid 19 yang membimbangkan sebelum ini. Susulan daripada itu, antara kesan yang ditanggung oleh para pengusaha perniagaan adalah seperti pengurangan kakitangan yang perlu dibuat akibat kekurangan dana untuk menanggung kos bayaran kepada pekerja kerana hasil jualan yang tiba-tiba merosot serta bilangan pelanggan yang hadir ke kedai pun semakin berkurangan kerana perlu patuh kepada SOP ketika itu.

Sebagai pengenalan, projek perniagaan ini lebih tertumpu kepada empat bab perbincangan utama iaitu pertamanya mengenai pengenalan yang merangkumi pendahuluan kajian, latar belakang projek, pernyataan masalah, objektif kajian, justifikasi kajian, skop projek dan kesimpulan. Bab yang kedua pula merangkumi metodologi kajian iaitu maklumat produk, proses pembangunan produk, pembaruan dan keunikan produk serta kaedah kajian. Bab yang ketiga pula adalah mengenai analisis projek perniagaan dan dapatan yang merangkumi analisis situasi, analisis kewangan, kos penghasilan projek, kos penghasilan projek per unit, perletakan harga projek, justifikasi kos pelaksanaan projek, impak projek dan pengkomersialan. Bab yang keempat adalah dapatan kajian dan perbincangan yang merangkumi pendahuluan, dapatan kajian, perbincangan, kos yang terlibat dan rumusan. Akhir sekali, bab kelima adalah kesimpulan dan cadangan yang dirangkumi oleh kesimpulan keseluruhan projek dan cadangan atau penambahbaikan.

Secara terperinci, kajian ini bertujuan untuk membantu sebuah restoran untuk meningkatkan keuntungan di samping mengurangkan kos yang ditanggung selaras dengan perkembangan teknologi semasa seperti penghasilan aplikasi pemudahcara sedia ada seperti 'Grab Food', 'Food Panda' dan sebagainya. Oleh yang demikian, projek yang ingin dihasilkan adalah merupakan satu aplikasi yang akan dinamakan sebagai 'Iffa Kitchen'.

Fungsi utama projek ini dijangka dapat memudahkan pekerjaan para pekerja Iffa Cafe serta dapat mengurangkan masa menunggu pelanggan. Aplikasi ini akan mengandungi menu-menu yang ditawarkan oleh Iffa Cafe, tempoh masa menunggu dan menyatakan kaedah pembayaran perlu dibuat secara tunai sahaja. Perancangan penggunaan aplikasi ini dijangka dapat membantu pekerja di Iffa Cafe untuk mendapatkan pesanan makanan pelanggan yang ingin membungkus sahaja melalui aplikasi 'Iffa Kitchen'. Malahan, pelanggan hanya perlu membuat pesanan terlebih dahulu menggunakan aplikasi di dalam telefon pintar dan kemudiannya hanya datang terus ke kedai apa bila makanan sudah sedia untuk diambil.

1.2 Latar Belakang Projek

Perniagaan Iffa Cafe ditubuhkan pada 1 Ogos 2017 di Tikam Batu, 08600 Sungai Petani, Kedah. Iffa Caffé ini beroperasi dari 11.00 pagi hingga 10.00 malam. Jenis perniagaan restoran ini adalah milikan tunggal. Pemilik perniagaan ini ialah Nur Iffa Bin Najib. Iffa Cafe memilih untuk menubuhkan perniagaan kedai makanan. Antara makanan yang disediakan adalah bakso dengan tiga pilihan iaitu bihun, mee dan kuey teow, nasi ayam penyet, bihun sup dan laksa.

Berdasarkan temubual yang dibuat terhadap pemilik Iffa Cafe sebelum ini mendapati Iffa Cafe mempunyai seramai 7 orang pekerja, 2 orang tukang masak, 2 orang pelayan pelanggan, seorang juruwang dan seorang pembancuh air. Iffa Cafe beroperasi secara makan di kedai (*dine in*) dan secara bungkusan (*take away*).

Akibat daripada SOP yang ketat oleh pihak kerajaan, Iffa Cafe terpaksa ditutup pada permulaannya. Kemudian apabila setiap negeri beralih fasa, kerajaan mula memberi kelonggaran sedikit demi sedikit demi untuk memulihkan sektor ekonomi. Lantaran itu, kini Iffa Cafe kembali boleh beroperasi sepenuhnya. Namun begitu, Iffa Café masih perlu mematuhi kehendak SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan samada terhadap pemilik sendiri mahupun pelanggan.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk membantu perniagaan Iffa Cafe untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi serta mencari jalan penyelesaiannya. Masalah utama yang dihadapi adalah semenjak wabak Covid 19 yang melanda di seluruh dunia telah mengakibatkan prestasi perniagaan ini semakin merosot disebabkan pihak kerajaan perlu menutup segala sektor perniagaan secara mengejut. Selain dari itu, Iffa Cafe juga terpaksa menanggung kerugian yang besar akibat kekurangan bilangan pelanggan serta beberapa pekerja juga terpaksa diberhentikan kerana perniagaan ini kekurangan dana untuk membayar gaji pekerja.

Seterusnya, anggaran kasar kerugian yang ditanggung oleh Iffa Cafe adalah sebanyak RM5,000 sebulan selama hampir setahun akibat daripada pihak kerajaan memulakan PKP, PKP & PKPP yang mengakibatkan para peniaga terpaksa membuka dan menutup perniagaan secara mengejut. Hal yang demikian menyebabkan Iffa Cafe terpaksa menanggung kerugian seperti bahan mentah yang rosak kerana tidak digunakan terlalu lama serta tidak dapat membayar gaji pekerja.

Malah, apabila kerajaan mengumumkan sektor penyediaan makanan dan kedai makan kembali beroperasi, para pelanggan masih ragu - ragu untuk hadir ke mana-mana kedai untuk membuat pembelian makanan dan lebih memilih untuk menggunakan perkhidmatan *runner* seperti 'Food Panda' walaupun caj yang dikenakan agak sedikit membebankan pelanggan sendiri. Hal yang demikian mengakibatkan ramai pengusaha makanan mengambil inisiatif menggunakan aplikasi pesanan dalam talian yang banyak membantu memudahkan samada pengusaha sendiri mahupun pelanggan.

Ini disokong oleh Zareem Sufia (2018) yang mengatakan bahawa sesebuah perniagaan terutamanya sektor makanan perlu mempunyai perngurusan yang cekap serta efisien dari segi penghasilan makanan, penggunaan ruang mahupun bahan mentah serta produktiviti

para pekerja yang ada. Hal yang demikian, akan memastikan bahawa pemilik perniagaan akan terus dapat memastikan perniagaannya dapat beroperasi walau pun berlaku sebarang perkara-perkara di luar jangka seperti penularan kes Covid 19 di seluruh dunia. Oleh yang demikian, penggunaan sistem pesanan makanan akan dapat membantu para pengusaha untuk tetap mendapatkan pesanan daripada pelanggan walaupun terdapat kekangan serta pematuhan SOP yang lebih ketat daripada keadaan normal terdahulu.

Selain itu, didapati terdapat sebahagian besar pelanggan biasa Iffa Cafe yang masih ragu-ragu untuk datang makan di Iffa Cafe dan ramai yang memilih untuk pembelian secara bungkus sahaja. Apabila aktiviti ini berterusan menyebabkan Iffa Cafe tidak menampung jumlah pesanan yang pelanggan yang datang membuat pesanan serentak pada waktu puncak di samping kekurangan pekerja menyebabkan ada pelanggan yang ingin makan di Iffa Cafe merungut lewat untuk mendapatkan pesanan yang dibuat di samping pelanggan yang menunggu makanan yang ingin dibungkus turut menjadi lewat akibat kekurangan pekerja. Hal yang demikian, secara tidak langsung memberikan impak yang sangat negatif kepada perniagaan Iffa Cafe.

Mohamad Izwan Hafiz (2016) yang menyatakan bahawa dengan adanya sistem aplikasi yang dimudahkan dengan teknologi pada masa kini, ia dapat membantu pelbagai industri dalam meningkatkan produktiviti syarikat mereka samada dari segi pembangunan strategi perniagaan ataupun peningkatan jualan produk yang lebih baik. Malahan mampu memastikan kebersanan sistem pesanan makanan sedia ada dan meningkatkan lagi kecekapan proses pesanan makanan di restoran. [rujukan?](#)

Oleh itu, dicadangkan kepada pemilik supaya perkhidmatan dalam talian perlu diadakan untuk memastikan perniagaan yang diusahakan akan terus bertahan dan mampu terus beroperasi. Maka pihak pengkaji merasakan bahawa antara cadangan terbaik untuk membantu Iffa Cafe adalah dengan menghasilkan aplikasi pesanan makanan yang akan dinamakan sebagai 'Iffa Kitchen'.

1.4 Analisis Keperluan

Jadual 1.1 Analisis keperluan telah dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelanggan serta keperluan-keperluan pelanggan bagi produk/servis ini.

Items		Frekuensi
Jantina	Perempuan	60%
	Lelaki	40%
Umur	Bawah 20 Tahun	70%
	21 - 30 Tahun	30%
	31 - 40 Tahun	-
	40 - 50 Tahun	-
Daerah	Seberang Perai Selatan	30%
	Seberang Perai Tengah	10%
	Seberang Perai Utara	10%
	Barat Daya (Pulau Pinang)	40%
	Timur Laut (Pulau Pinang)	10%

Seramai enam orang yang terlibat dalam adalah daripada kumpulan jantina perempuan (60%) dan empat orang daripada kumpulan jantina lelaki (40%). Selain itu, seramai tujuh orang yang terlibat berusia bawah dua puluh tahun (70%) dan tiga orang dalam lingkungan usia 21 - 30 tahun (30%). Akhir sekali, seramai 4 orang yang terlibat adalah daripada daerah Barat Daya (Pulau Pinang) 40%, tiga orang daripada Seberang Perai Selatan (30%) ,

seorang daripada Seberang Perai Tengah (10%), seorang daripada Seberang Perai Utara (10%) dan seorang daripada Timur Laut (Pulau Pinang) 10%.

Jadual 1.2 Perkara yang perlu dimasukkan di dalam aplikasi

	Ya (%)
Mudah untuk membuat pesanan	100%
Mudah untuk mengakses aplikasi	100%
Bahasa yang mudah difahami	100%
Cepat mendapat respon	100%
Lain - lain (nyatakan)	-

Daripada jadual diatas adalah didapati seramai 10 orang (100%) bersetuju aplikasi ini perlu mudah untuk membuat pesanan. Selain itu, seramai 10 orang (100%) bersetuju aplikasi ini mudah untuk membuat pesanan. Seterusnya, seramai 10 orang (100%) respon menyatakan mereka memerlukan aplikasi ini menggunakan bahasa yang mudah difahami. Akhir sekali, seramai 10 orang (100%) bersetuju mereka memerlukan aplikasi yang cepat mendapat respon.

Jadual 1.3

Masalah yang dihadapi untuk mengakses 'Iffa Kitchen'

	Ya (%)	Tidak (%)
Kesukaran berhubung dengan pekerja	20%	80%
Pembaziran masa	10%	90%

Pembaziran tenaga	10%	90%
Kesukaran membuat pesanan	10%	90%
Lain-lain (Nyatakan)	-	-

Daripada jadual di atas adalah didapati seramai 8 orang (80%) respon tidak untuk masalah kesukaran berhubung dengan pekerja manakala 2 orang (20%) respon ya. Selain itu, seramai 1 orang (10%) respon ya untuk pembaziran masa manakala 9 orang (90%) respon tidak. Seterusnya, seramai 1 orang (10%) respon ya untuk pembaziran tenaga manakala 9 orang (90%) respon tidak. Akhir sekali, seramai 1 orang (10%) respon ya untuk kesukaran membuat pesanan manakala 9 orang (90%) respon tidak.

Secara kesimpulannya adalah didapati aplikasi yang akan dibangunkan perlu memudahkan pelanggan membuat pesanan, mudah untuk mengakses aplikasi, Bahasa yang mudah difahami dan cepat mendapat respon.

Maka dengan itu, kami bercadang untuk hasilkan aplikasi 'Iffa Kitchen' ini supaya dapat membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pekerja Iffa Café.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa objektif yang harus dicapai dan ianya telah dikelaskan seperti di bawah:

1.5.1 Objektif Am

Tujuan utama aplikasi yang dihasikan ini adalah untuk mengenalpasti samada 'Iffa Kitchen' ini membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pekerja Iffa Café.

1.5.5 Objektif Projek

1. Mengenalpasti samada aplikasi 'Iffa Kitchen' membantu menguruskan operasi harian dengan lebih cekap
2. Mengenalpasti samada aplikasi 'Iffa Kitchen' mampu mengurangkan kos operasi Iffa Cafe yang tinggi.
3. Mengenalpasti samada aplikasi 'Iffa Kitchen' ini dapat mengurangkan isu pengurusan masa dalam kalangan pekerja Iffa Cafe.

1.6 Persoalan Projek

- 1) Adakah aplikasi 'Iffa Kitchen' membantu menguruskan operasi harian dengan lebih cekap?
- 2) Adakah aplikasi 'Iffa Kitchen' mampu mengurangkan kos operasi Iffa Cafe yang tinggi?
- 3) Adakah aplikasi 'Iffa Kitchen' ini dapat dapat mengurangkan isu pengurusan masa dalam kalangan pekerja Iffa Cafe?

1.7 Justifikasi Kajian

Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh Iffa Cafe dalam pengurusan kerja dan juga pengurusan masa. Iffa Cafe mempunyai masalah kekurangan pekerja yang mengakibatkan mereka terpaksa membuat pelbagai jenis kerja dalam satu masa. Secara tidak langsung, permasalahan tersebut mengundang kepada masalah pengurusan masa. Pekerja tidak dapat fokus dan teliti untuk membuat sesuatu kerja maka hidangan tersebut juga akan menjadi lambat dan mengakibatkan para pelanggan terpaksa menunggu lama untuk menikmati hidangan.

Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menghasilkan satu alternatif untuk Iffa Cafe iaitu dengan mewujudkan aplikasi yang dinamakan sebagai 'Iffa Kitchen'. Terdapat senarai menu berserta harga, jumlah masa untuk persiapan hidangan dan pembayaran secara tunai di kaunter.

Aplikasi ini dipercayai mampu untuk menangani masalah pengurusan yang berlaku di Iffa Cafe seperti masa menunggu yang lama untuk pelanggan menunggu dan mendapatkan makanan

1.8 Skop Projek

Skop kajian ini dijalankan di kawasan Tikam Batu, Sungai Petani Kedah. Iffa Cafe ini diusahakan oleh pelajar Unit Keusahawanan Politeknik Seberang Perai. Mereka telah

menjalankan perniagaan tersebut selama 3 tahun bermula pada 2019 sehingga sekarang. Perniagaan ini masih mempunyai kekurangan dalam pengurusan terutamanya melibatkan sistem pengambilan pesanan dan pembayaran. Kajian ini memfokuskan kepada satu aplikasi yang dapat digunakan oleh Iffa Cafe iaitu 'Iffa Kitchen' untuk menyelesaikan masalah utama yang iaitu prestasi restoran ini semakin merosot kerana pihak kerajaan perlu menutup segala sektor perniagaan secara mengejut. Selain dari itu, masalah yang dihadapi oleh Iffa Cafe adalah restoran tersebut terpaksa menanggung kerugian yang besar oleh kerana pelanggan makin berkurang dan pekerja juga terpaksa diberhentikan. Serta, skop kajian yang tertumpu kepada Iffa Cafe kerana perniagaan ini mengalami masalah kerugian semenjak wabak Covid 19 telah melanda di seluruh dunia dan menyebabkan pembeli lebih memilih untuk membuat pesanan atas talian bagi memastikan penjarakan sosial dijaga.

1.9 Kepentingan Projek

Kepentingan projek ini ialah ingin membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh Iffa Cafe iaitu dengan menghasilkan aplikasi bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi semenjak wabak melanda di seluruh negara. Ia juga dapat membantu meningkatkan

hubungan antara pelanggan dan restoran secara menyeluruh. Ia merupakan satu proses pesanan yang lebih mudah bagi pelanggan termasuk melancarkan operasi restoran. Selain itu, bagi mengurangkan kos perniagaan kerana tidak memerlukan pekerja yang ramai untuk mengambil pesanan ke seorang demi seorang dan penjarakan sosial dapat dijaga pada musim Covid 19 ini. Maka secara tidak langsung dengan menggunakan aplikasi ini, diharapkan Iffa Cafe dapat menjadikan operasi setiap hari menjadi lebih efisien.

1.10 Takrifan Istilah

A) Iffa Cafe

Iffa Cafe merupakan sebuah kedai makan yang menyediakan pelbagai jenis makanan dan minuman. Antara menu tarikan utama yang menjadi pilihan pelanggan di Iffa Cafe ialah bakso. Bakso merupakan sejenis makanan berkuah dari negara Indonesia. Pada umumnya bakso disajikan dengan bakso atau bebola daging, taueh, dan mee.

B) Aplikasi 'Iffa Kitchen'

Berdasarkan Techopedia (2021) Aplikasi adalah perisian komputer, atau program, yang paling biasa kecil, yang khusus digunakan untuk peranti mudah alih. Apl istilah pada asalnya merujuk kepada mana-mana aplikasi mudah alih atau desktop, tetapi apabila lebih banyak aplikasi kedai telah muncul untuk menjual aplikasi mudah alih kepada pengguna telefon pintar dan tablet, istilah itu telah berkembang untuk merujuk kepada program kecil yang boleh dimuat turun dan dipasang sekaligus aplikasi 'Iffa Kitchen' yang akan dicipta adalah untuk memudahkan pelanggan untuk membuat pesanan secara 'contactless' dan memudahkan pelanggan supaya tidak menunggu di kedai tersebut. Aplikasi tersebut mengandungi menu-menu yang disediakan di Iffa Cafe dan membuatkan pelanggan hanya perlu memilih pesanan dari aplikasi itu sahaja dan pesanan tersebut akan terus diterima di kedai serta tempoh penyediaan juga akan terpapar di dalam aplikasi tersebut supaya pelanggan boleh bersiap sedia untuk mengambil makanan

tersebut. Untuk pembayaran boleh dibuat secara tunai di kaunter pembayaran di Iffa Cafe. Selain itu, ia juga secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah kekurangan pekerja di Iffa Cafe serta memudahkan para pelanggan menjaga penjarakan sosial semasa musim pandemik ini.

C) Pengurusan operasi

Mengikut artikel *livingeconomyadvisor* (2021), 'Pengurusan operasi adalah bidang perniagaan yang berkaitan dengan pentadbiran amalan perniagaan untuk memaksimumkan kecekapan dalam organisasi. Ia melibatkan merancang, mengatur, dan mengawasi proses organisasi untuk mengimbangkan pendapatan'. Antara contoh pengurusan operasi yang terbabit dalam perniagaan kedai makan ialah pengurusan tentang pekerja, pengurusan tentang kewangan, dan lain lain. Pengurusan operasi perniagaan Iffa Cafe agak lemah akibat dari masalah kekurangan pekerja. Operasi perniagaan di Iffa Cafe menjadi kelam kabut kerana mereka terpaksa membuat banyak kerja dan tidak dapat fokus dan komited untuk membuat kesemuanya sekaligus. Jadi dengan adanya aplikasi 'Iffa Kitchen', beban pekerja di Iffa Cafe dapat dikurangkan kerana pekerja tidak berasa kelam kabut dan dapat fokus untuk membuat kerja masing-masing.

D) Pengurusan masa

Menurut Sharul Nizam Manan (2020), pengurusan masa melibatkan penggunaan peralatan dan kaedah atau teknik untuk merancang dan menjadualkan masa dengan sesuai dan tepat. Peralatan dan teknik tersebut bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan masa anda'. Pengurusan masa di Iffa Cafe amat teruk oleh kerana pekerja di Iffa Cafe terpaksa menganti dan mengambil alih kerja mereka oleh kerana kekurangan pekerja. Apabila situasi ini berlaku, maka semua kerja menjadi lambat dan para pelanggan juga terpaksa menunggu lama untuk hidangan mereka. Dengan aplikasi ini, pekerja dapat membahagikan kerja mereka dengan sempurna dan lebih teliti untuk menyediakan pesanan secepat mungkin.

1.11 Rumusan

Akhir sekali, kajian projek ini dilakukan adalah untuk memperkenalkan sebuah aplikasi 'Iffa Kitchen' yang bertujuan untuk membantu Iffa cafe menyelesaikan masalah masalah yang dihadapi. Dengan adanya aplikasi ini, para pelanggan dan juga pekerja di Iffa Cafe dapat mengekalkan jarak yang selamat semasa musim covid ini dan juga secara tidak langsung para pelanggan juga berpuas hati dan berasa selamat untuk makan di kedai Iffa Cafe. Pengkaji merasakan pembangunan aplikasi ini akan dapat membantu Iffa Cafe untuk menyelesaikan masalah masalah yang dihadapi oleh Iffa Cafe. Aplikasi yang diciptakan ini dapat membuatkan pekerja di Iffa Cafe untuk bekerja dengan lebih cekap dan masalah kekurangan pekerja juga dapat diatasi. Secara tidak langsung, penggunaan aplikasi ini juga dijangka dapat memudahkan pelanggan supaya tidak perlu menunggu lama atau beratur panjang untuk membuat membuat dan menunggu pesanan terutamanya pada waktu terdapat kehadiran ramai pelanggan di restoren tersebut

BAB 2: KAJIAN LAPANGAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini meninjau keperluan pembangunan aplikasi kepada peniagaan samada perniagaan yang baru dimulakan ataupun perniagaan yang telah lama menapak. Pembangunan aplikasi ini adalah berdasarkan kepada keperluan perniagaan yang dikaji serta keperluan pembeli.

Keberkesanan aplikasi juga akan dikaji berdasarkan kajian dan inovasi - inovasi terhadulu. Terdapat pelbagai aplikasi tempahan makanan yang telah dibangunkan di pasaran. Aplikasi yang dikaji ini pula, akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam membangunkan aplikasi pesanan makanan mudah alih yang boleh digunakan oleh para pengusaha perniagaan makanan. Tinjauan ini dijalankan bagi mengenal pasti kelebihan sesebuah aplikasi untuk dijadikan panduan dalam membangunkan aplikasi pesanan makanan.

2.2 Kajian Terdahulu

2.2.1 Keperluan Aplikasi

Menurut J. Nurasih (2010), perkembangan teknologi pada saat ini telah berkembang pesat. Justeru itu, beberapa aplikasi telah banyak dicipta dan digunakan dalam pelbagai bidang. Pengkaji telah membuat sebuah kajian yang terdiri daripada penduduk yang tinggal di kawasan perniagaan tersebut bagi mengenalpasti keperluan aplikasi untuk perniagaan ini dan masalah yang dihadapi oleh mereka di Iffa Cafe itu sendiri. Hasil tinjauan mendapati semua responden bersetuju bahawa aplikasi ini amat penting untuk perniagaan ini yang berniaga secara professional dan berdaya saing dengan menggunakan teknologi terkini. Lebih kurang 90% perniagaan di Malaysia mula menjalankan perniagaan mereka secara digital malah kebanyakan responden ini telah memanfaatkan sepenuhnya aplikasi penggunaan ICT di masa pandemik COVID 19 ini (Mohd Uzir Mahidin, 2020).

Perkara ini turut dipersetujui oleh Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim dan Nur Ajeerah Othman (2017) bahawa kemajuan internet telah membuka peluang- peluang baru untuk perkongsian dan pengumpulan pengetahuan terhadap masyarakat majmuk. Internet boleh menyediakan peluang tanpa batasan untuk pembangunan ekonomi dan penglibatan sosial melalui alat dan pemikiran inovatif yang baru. Oleh yang demikian, dunia digital pada hari ini tidak dapat dinafikan lagi sudah berkembang dengan amat pesat. Seterusnya,

menurut kajian terdahulu yang dijalankan oleh Nor Fahimah Mohd Razif Huefiros, Efizi Husain dan Noor Naemah Abdul Rahman (2020), penggunaan platform aplikasi juga memainkan peranan yang amat penting dalam perniagaan yang dijalankan sebagai perkhidmatan dan kedai makan seperti Iffa Cafe. Pengkaji berpendapat bahawa aplikasi perlu diberikan perhatian yang sewajarnya kerana ia dapat memudahkan pekerja, melancarkan operasi di kedai Iffa Cafe dan juga dapat memberikan kepuasan kepada pengguna.

Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan pengkaji amat menekankan penggunaan aplikasi di dalam perniagaan kerana ia dapat meningkatkan tahap kecekapan dalam pengurusan kedai dan dalam masa yang sama dapat memudahkan urusan pengguna. Dalam masa yang sama ia dapat meningkatkan reputasi perniagaan pada musim COVID19 ini dengan menjadikan platform aplikasi sebagai medium perantaraan perniagaan mereka. Perkara ini juga telah disokong oleh Saad Ram Al Jaffri (2019), dan mereka berpendapat bahawa pada ketika ini, perluasan internet telah mendorong kepada pembangunan pelbagai medium komunikasi seperti aplikasi dan sistem rangkaian sosial.

Menurut Andi Faisal Bakti dan Venny Eka Meidasari (2014), peningkatan penetrasi (melalui) media baru yang disebut dapat mengatasi batasan fizikal dan sempadan global yang menimbulkan liberalisasi maklumat. Realiti ini mengakibatkan munculnya era masyarakat yang bermaklumat, berpendidik dan telah memimpin orang di seluruh dunia disebabkan oleh munculnya teknologi media digital. Oleh itu, pengkaji telah membuat satu kajian ke atas 500 orang pelajar antarabangsa Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya. Hasil kajian mendapati pelajar antarabangsa bersetuju bahawa kebergunaan dan mudah guna sesuatu aplikasi dapat memberikan kepuasan kepada pengguna dan peniaga. Bagi mereka, aplikasi juga telah banyak membantu mendapatkan pelbagai maklumat, mudah berinteraksi dengan peniaga kedai tersebut dan juga mempercepatkan proses penggunaan terhadap sesuatu perkara atau perniagaan.

2.2.2 Keberkesanan Aplikasi

Menurut Shuib, N. (2019, February 13). Khidmat penghantaran makanan dapat menjimatkan masa terutama semasa pandemik COVID-19, pesanan makanan dalam talian telah berubah dari kemudahan yang di inginkan kepada keperluan wajib untuk kelangsungan hidup restoran. Selain membantu perniagaan untuk terus bertahan, pesanan makanan dalam talian menawarkan banyak kelebihan kepada pelanggan.

Keberkesanan pesanan makanan dalam talian membolehkan pelanggan membuat pesanan pada bila-bila masa, dari mana sahaja dan sangat menjimatkan masa yang biasanya dihabiskan yang biasanya digunakan untuk mengambil makanan. Seterusnya menurut Hashim F.M.A.S.A.Z.B.A.H (2016) amalan pembelian dapat talian dapat memberi tawaran dari kemudahan pesanan makanan dalam talian untuk pelanggan adalah keupayaan untuk membuat pesanan makanan dan pesanan makanan kegemaran dengan mudah. Selain itu, ia dapat mengurangkan masa menunggu di restoran, dan meningkatkan ketepatan pesanan makanan yang di buat.

Dengan kelebihan yang di tawarkan kepada pelanggan, ia dapat membantu meningkatkan hubungan anda dengan mereka dan akhirnya menghasilkan frekuensi pesanan makanan yang lebih besar. Walaupun beberapa bulan yang lalu, meminimumkan kehadiran pelanggan semasa operasi restoran hanyalah pilihan, tetapi semasa pandemik COVID-19 ia telah menjadi satu keutamaan. Semasa COVID-19, dengan minimumkan kehadiran pelanggan, ia dapat membantu melindungi pelanggan, pekerja, dan orang ramai pada umumnya dari penyebaran virus. Tetapi walaupun penyebarannya sudah berkurangan, pelanggan mungkin terus menikmati perkhidmatan ditawarkan oleh pesanan dalam talian kerana ia dapat menampung jadual yang sibuk dan membolehkan pelanggan membuat tempahan apa-apa jenis makanan dengan selamat untuk makan bersama pasangan, orang tersayang dan rakan sekerja.

2.2.3 Aplikasi Perniagaan

Menurut Nurulhayah Muhamad (tahun 2018), perniagaan dalam talian adalah perniagaan yang sangat popular dan menjadi pilihan dalam masyarakat masa kini. Kini, urusan harian perniagaan atas talian dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan internet dan bukan hanya aliran semasa. Oleh itu, dengan kemudahan perniagaan atas talian yang terdapat pada masa kini ia boleh dijadikan sebagai satu peluang kepada golongan belia untuk menambahkan pendapatan. Kami membantu perniagaan kedai makanan tersebut dengan pengurusan berniaga secara atas talian iaitu melalui satu aplikasi yang kami bangukan bagi memudahkan kedua dua belah pihak. Dengan ini, kami dapat memuaskan hati para pengguna dan juga memberikan keuntungan kepada pemilik perniagaan.

2.3 Rumusan

Secara keseluruhannya bab dua telah membincangkan keperluan pembangunan aplikasi kepada perniagaan atas talian, keberkesanan laman web ini kepada perniagaan. Bab ini secara ringkas dibahagikan kepada tiga bahagian tentang aplikasi. Bahagian pertama merupakan kajian terdahulu tentang keperluan aplikasi. Keperluan aplikasi mendapat persetujuan bahawa membangunkan aplikasi ini amat penting kepada perniagaan untuk berniaga secara profesional dan berdaya saing dengan penggunaan teknologi pada masa kini.

Bahagian kedua merupakan kajian terdahulu tentang keberkesanan aplikasi. Keberkesanan aplikasi membolehkan sesebuah organisasi untuk berniaga secara atas talian. Sesebuah aplikasi hendaklah mempunyai ciri-ciri yang menarik untuk memberi kepuasan kepada pelanggan. Di samping itu juga, ia boleh meningkatkan jualan. Seterusnya, bahagian ketiga merupakan kajian terdahulu tentang perniagaan atas talian. Perniagaan atas talian merupakan perniagaan yang sangat popular dan menjadi pilihan masyarakat pada masa kini. Kini, urusan harian perniagaan atas talian dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan internet.

BAB 3: METODOLOGI / REKA BENTUK

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk menghasilkan aplikasi di Iffa Cafe. Kemudian penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan,

perkembangan instrumen, teknik pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 REKA BENTUK

3.2.1 TEKNIK PENGHASILAN PROJEK


Dalam proses membangunkan aplikasi, terdapat beberapa langkah perlu dijalankan seperti berikut :

LANGKAH 1


Mengumpul semua maklumat daripada Iffa Cafe untuk mengetahui masalah yang dihadapinya. Masalah tersebut dicatat dan kami akan menyelesaikan masalah tersebut dengan menghasilkan aplikasi.

LANGKAH 2

Melayari laman web mengenai perkembangan aplikasi. Ini kerana laman web memerlukan akaun aktif untuk membuat pengembangan aplikasi di laman web tersebut serta boleh terus memilih untuk mencipta aplikasi yang diinginkan.




Rajah 3.1




Rajah 3.2

LANGKAH 3

Mulakan dengan merancang latar belakang aplikasi dan hasilkan butang fungsi aplikasi untuk digunakan oleh pelanggan. Butang ini akan mengalihkan ke skrin lain yang berfungsi untuk mengetahui tujuan fungsi butang.




Rajah 3.3



Rajah 3.4

LANGKAH 4

Sebaik sahaja pembangunan aplikasi selesai. Bermula dengan menerbitkan aplikasi untuk menguji samada aplikasi berjalan dengan betul dan selancarnya sebagaimana sepatutnya. Pautan untuk memuat turut aplikasi akan diberikan melalui pautan atau imbas QR Code untuk muat turun aplikasi.



Rajah 3.5

3.2.2 Bahan dan Peralatan

Kami menggunakan laman sesawang Mobincube untuk membangunkan aplikasi Iffa Kitchen App ini. Laman sesawang Mobincube ini tidak memerlukan kos untuk membangunkan aplikasi. Mobincube ini memudahkan kita untuk kita untuk membangunkan sesuatu aplikasi berdasarkan kreativiti dan kepuasan kita sendiri.

i. Komputer riba:

Diperlukan untuk menghias dan merancang aplikasi ini semasa proses pembangunan aplikasi.

ii. Telefon Pintar:

Diperlukan untuk menguji inovasi aplikasi ini samada ia akan dapat berfungsi dengan baik atau tidak.

iii. Sambungan internet:

Diperlukan untuk melayari laman web dan membangunkan aplikasi.

Cara untuk mengendalikan aplikasi Iffa Kitchen App

LANGKAH 1

Halaman utama setelah muat turun aplikasi Iffa Kitchen App. Seterusnya, pengguna perlu mengisi nombor telefon di ruangan yang telah disediakan bertujuan untuk simpanan rekod. Kemudian, tekan 'NEXT' untuk halaman seterusnya.



LANGKAH 2

Halaman seterusnya adalah untuk menentukan menu pilihan pelanggan. Tekan untuk pilihan anda




LANGKAH 3

Halaman seterusnya untuk memastikan menu yang dipilih dan harga adalah tepat.



LANGKAH 4

Pengguna hendaklah menekan butang pilihan bank mengikut akaun yang dimiliki agar urusan pembayaran atas talian boleh dilaksanakan



3.2.3 KAJIAN RINTIS

Aplikasi Iffa Kitchen ini telah dibangun mengikut keperluan dan kehendak restoren Iffa Cafe dan dari hasil temubual dengan pengurus dan juga pelanggan yang menggunakan aplikasi Iffa Kitchen ini kemudian diuji di restoren Iffa Cafe. Kami memutuskan untuk melakukan pra-penyelidikan ke atas 50 orang responden untuk mengetahui pendapat mereka mengenai inovasi aplikasi Iffa Kitchen ini.

3.2.4 MAKLUM BALAS KAJIAN

Borang soal selidik melalui *google form* telah digunakan untuk mendapatkan maklumbalas kajian rintis ini. Borang soal selidik melalui *google form* dengan set soalan telah dikongsi kepada 50 responden tertentu untuk mengetahui pendapat mereka mengenai pengembangan aplikasi Iffa Kitchen. Mereka diminta untuk menjawab soal selidik dan menyatakan pendapat mereka mengenai kepuasan penggunaan aplikasi Iffa Kitchen. Hasil kajian menunjukkan bahawa 50 % responden setuju dengan aplikasi Iffa Kitchen mudah

untuk membuat pesanan. Selanjutnya 50 % responden setuju dengan aplikasi Iffa Kitchen mudah untuk diakses. Di samping itu, 40 % responden setuju bahasa yang digunakan mudah untuk difahami. Tambahan pula, 60 % responden setuju dengan aplikasi Iffa Kitchen ini cepat mendapat respon. Selanjutnya, 50 % responden berasa sukar untuk berhubung dengan pekerja Manakala, sebanyak 50 % responden mengatakan aplikasi ini tidak membazirkan masa. Akhir sekali, 90 % responden setuju dengan proses pembayaran melalui aplikasi ini mudah.

3.2.5 PENAMBAHBAIKAN PROJEK

Berdasarkan jawapan dari borang soal selidik *google form*, kami menerima pendapat/maklum balas mengenai penggunaan aplikasi Iffa Kitchen. Penambahbaikan yang telah diubahsuai dan dilaksanakan ialah memastikan pelanggan mudah untuk berhubung dengan pekerja melalui aplikasi Iffa Kitchen ini.

3.3 KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini dijalankan dengan mengedarkan set soal kaji selidik melalui *google form* kepada pelanggan Iffa Cafe yang membuat pembelian menggunakan aplikasi Iffa Kitchen. Kaji selidik ini mengambil masa selama seminggu iaitu dari proses mengedarkan set soal kaji selidik sehingga set soal selidik tersebut kembali ke tangan kami. Set soal kaji selidik diberikan kepada 50 orang responden.

SWOT ANALISIS

Bagi analisis SWOT adalah salah satu alat yang paling sering digunakan untuk menilai persekitaran dalaman dan luaran syarikat dan merupakan sebahagian daripada proses perancangan strategik syarikat Strategi korporat Strategi korporat memfokuskan pada bagaimana menguruskan sumber, risiko dan pulangan di sebuah syarikat, berbanding untuk melihat kelebihan daya saing dalam strategi perniagaan. Sebagai tambahan, analisis SWOT boleh dilakukan untuk produk, tempat, industri, atau orang. Analisis SWOT membantu kedua-dua perancangan strategik Analisis Strategik Analisis strategik merujuk kepada proses menjalankan penyelidikan terhadap syarikat dan persekitaran operasinya untuk merumuskan strategi. Definisi dan pembuatan keputusan, kerana memperkenalkan peluang kepada syarikat sebagai jambatan yang berpandangan ke hadapan untuk menghasilkan alternatif strategik.

3.4 IMPAK PRODUK

Inovasi aplikasi Iffa Kitchen diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak dari aplikasi Iffa Kitchen yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Iffa Kitchen terhadap syarikat

Penghasilan Iffa Kitchen ini telah membantu Iffa Cafe dalam menarik perhatian dan minat pelanggan untuk membeli makanan dengan lebih mudah. Hal ini kerana, ia dapat membantu pelanggan dalam proses pesanan makanan atas talian, pelanggan tidak perlu lagi beratur untuk menunggu makanan di restoran.

b) Impak Iffa Kitchen Terhadap Masa

Penggunaan aplikasi Iffa Kitchen banyak membantu Iffa Cafe ke arah penjimatan masa. Aplikasi Iffa Kitchen membolehkan pelanggan membuat pesanan pada bila-bila masa, dari mana sahaja dan sangat menjimatkan masa yang biasanya digunakan untuk mengambil makanan.

c) Impak Iffa Kitchen Terhadap Tenaga

Penggunaan aplikasi Iffa Kitchen banyak membantu Iffa Cafe dari segi kewangan. Hal ini kerana, Iffa Cafe tidak memerlukan pekerja yang ramai untuk menguruskan restoran. Berbanding dengan sebelum ini Iffa Cafe kekurangan pekerja kerana pelanggan yang ramai beratur untuk membuat pesanan dan menunggu makanan sampai ke meja makan. Setelah penghasilan aplikasi Iffa Kitchen, pekerja menjadi lebih cekap kerana dapat melaksanakan kerja yang sama secara konsisten.

3.4 RUMUSAN

Kesimpulannya, pada bab ini menfokuskan reka bentuk aplikasi, proses-proses pembangunan aplikasi, kajian rintis, penambahbaikan aplikasi, analisis keberkesanan aplikasi, serta kos-kos yang terlibat dalam penghasilan aplikasi ini. Selain itu, pada bab ini jugaa, kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan produk ini diterima oleh pengguna. Terdapat sepuluh (10) item yang perlu dianalisis dengan tepat untuk mengetahui keberkesanan aplikasi ini. Akhir sekali, kami juga telah memasarkan pengguna aplikasi ini yang terdiri daripada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan perniagaan di Iffa Cafe.

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang dapatan kajian, kelebihan produk, kekurangan produk, masalah dalam penghasilan produk. Ujikaji - ujikaji yang dijalankan yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan peringkat kedua. Seterusnya, ialah analisis kewangan untuk projek yang menghasilkan iaitu kos yang terlibat serta masa yang diambil untuk membangunkan produk ini.

4.2 DAPATAN KAJIAN

Statistik data daripada set soal kaji selidik dikumpul dan disenaraikan seperti dibawah.

Maklum Balas Dari Responden										
Soalan / Jawapan	Sangat Setuju		Setuju		Biasa		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	No	%	No	%	No	%	No	%	No	%
1. Adakah aplikasi Iffa Kitchen mudah untuk membuat pesanan ?	63.5	127	23.1	46.2	9.6	19.2	0	0	0	0
2. Adakah mudah untuk mengakses aplikasi Iffa Kitchen?	59.6	119.2	21.2	42.4	13.5	27	0	0	0	0
3. Adakah bahasa yang digunakan mudah untuk difahami ?	65.4	130.8	19.2	38.4	11.5	23	0	0	0	0

4. Adakah anda cepat mendapat respon melalui aplikasi ini ?	51.9	103.8	30.8	61.6	15.4	30.8	0	0	0	0
5. Adakah anda berasa sukar untuk berhubung dengan pekerja ?	25	50	0	0	30.8	61.6	25	50	15.4	30.8
6. Adakah aplikasi ini membazirkan masa anda ?	17.3	34.6	9.6	19.2	21.2	42.4	26.9	53.8	25	50
7. Adakah anda berasa aplikasi ini satu pembaziran tenaga ?	17.3	34.6	0	0	23	46.2	34.6	69.2	19.2	38.4
8. Adakah anda berasa sukar untuk membuat pesanan ?	21.2	42.4	0	0	28.8	57.6	26.9	53.8	19.2	38.4
9. Adakah info yang dinyatakan dalam aplikasi ini mudah dibaca ?	50	100	30.8	61.6	15.4	30.8	0	0	0	0
10. Adakah proses pembayaran melalui aplikasi ini mudah ?	46.2	92.4	30.8	61.6	19.2	38.4	0	0	0	0

Keberkesanan produk ini juga dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT.

SWOT dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kedai Iffa Kitchen.

Hasil SWOT yang telah di analisis adalah seperti di bawah:

SWOT ANALISIS

S- Strength (Kekuatan)

a) Dapat mempercepat urusan di kedai Iffa Cafe ini akan mempercepat urusan di Iffa Kitchen dengan hanya perlu mengimbas QR code untuk membuat pembayaran atas talian untuk setiap pesanan yang dipilih. Aplikasi ini dilengkapi dengan cara pembayaran yang menggunakan kaedah transaksi secara atas talian seperti perbankan atas talian. QR Code ini akan diletakkan/dipaparkan di setiap menu makanan untuk memudahkan pengguna mengimbasnya.

b) Mengetahui pembayaran atas talian berjaya atau tidak berjaya

Aplikasi Iffa Kitchen ini juga dilengkapi dengan pemberitahuan dan notifikasi secara automatik sekiranya pembayaran/transaksi anda di terima atau terbatal. Bermaksud anda hanya perlu pastikan bahawa baki di dalam akaun anda adalah mencukupi.

W-Weakness (Kelemahan)

a) Kurang dari segi kepelbagaian ciri-ciri dalam aplikasi Aplikasi Iffa Kitchen memiliki kelemahan dari segi mempelbagaikan ciri-ciri lain di dalam aplikasi tersebut. Hal ini kerana Iffa Kitchen hanya mempunyai satu fungsi iaitu pembayaran atas talian. Tetapi ia mungkin boleh ditambah lagi ciri-ciri lain pada masa akan datang. Tambahan pula, aplikasi Iffa Kitchen hanyalah boleh diakses oleh pengguna android sahaja.

O-Opportunities (Peluang)

a) Aplikasi Iffa Kitchen ini membolehkan pelanggan membuat pesanan pada bila-bila masa, dari mana sahaja dan sangat menjimatkan masa yang biasanya dihabiskan yang biasanya digunakan untuk mengambil makanan. Kelebihan Aplikasi Iffa Kitchen yang di tawarkan untuk pelanggan adalah keupayaan untuk membuat pesanan makanan dan pesanan makanan kegemaran dengan mudah. Selain itu, ia dapat mengurangkan masa menunggu di restoran, dan meningkatkan ketepatan pesanan makanan yang di buat. Dengan kelebihan yang di tawarkan kepada pelanggan, ia dapat membantu meningkatkan hubungan anda dengan mereka dan akhirnya menghasilkan frekuensi pesanan makanan yang lebih besar.

T-Threat (Ancaman)

a) Berkemungkinan kedai makanan lain juga akan membangunkan aplikasi seperti ini. Pada era sekarang ini, ramai orang terutamanya peniaga peniaga berpeluang membangunkan satu aplikasi dengan mudah. Hal ini menjadi kerisauan kerana berkemungkinan aplikasi untuk kedai makan lain juga boleh dibangunkan. Berkemungkinan aplikasi yang mungkin dibangunkan akan mempunyai kelebihan yang tidak setanding dengan aplikasi sebelumnya dan lebih banyak ciri-ciri khas boleh ditambah berbanding aplikasi Iffa Kitchen ini.

4P's ANALISIS

Product (produk)

- Aplikasi Iffa Kitchen

Aplikasi ini dilengkapi dengan kelebihan seperti membuat pesanan atas talian dan juga pembayaran atas talian. Ini kerana pembayaran atas talian menjadi pilihan pengguna pada masa sekarang kerana caranya yang cepat dan mudah tanpa melibatkan penggunaan wang tunai. Pengguna juga boleh memilih pesanan sendiri melalui aplikasi tersebut tanpa perlu menggunakan khidmat pekerja dari kedai Iffa Cafe. Oleh itu, aplikasi ini mempunyai kaedah pembayaran atas talian yang boleh dilakukan oleh kebanyakan pengguna yang menggunakan platform perbankan atas talian. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Playstore secara percuma.

Price (harga)

- Percuma

Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Playstore di telefon pintar anda secara percuma tanpa apa apa bayaran. Aplikasi ini boleh dimuat naik oleh pengguna android dan sahaja.

Place (tempat)

- Lokasi Iffa Cafe ini terletak di Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah. Ia telah menjadi kebiasaan dan rutin harian penduduk sekitar untuk mengunjungi ke kedai makan itu dan berada di tempat yang paling strategik dan mudah dilihat dari jauh serta berada di depan

persimpangan jalan utama. Ini memudahkan proses promosi dan ia memberi kelebihan kepada Iffa Kitchen untuk menarik lebih ramai pelanggan.

Promotion (promosi)

- Aplikasi ini menjadi satu elemen penting dalam membantu perniagaan Iffa Cafe supaya perniagaan ini lebih dikenali oleh masyarakat setempat. Aplikasi ini akan diwar-warkan dengan mepaparkan di sudut luar kedai agar orang ramai boleh terus memuat naik aplikasi ini di telefon pintar mereka. Ini menunjukkan bahawa Iffa Cafe ini mempunyai strategi dan idea yang bernas dalam mempengaruhi masyarakat supaya membantu perkhidmatan Iffa Cafe berjalan lancar.

4.3 PERBINCANGAN

Dari hasil perbincangan, dengan adanya aplikasi Iffa Kitchen ini, pekerja restoren Iffa Café tidak perlu bimbang lagi akan masalah kekurangan bilangan pelanggan semenjak wabak Covid 19 kerana wujudnya aplikasi Iffa Kitchen ini dapat menyasarkan lagi pelanggan yang gemar menggunakan telefon pintar sebagai perantaraan di dalam era digital ini. Sebaliknya, kelemahan utama mengakses aplikasi adalah kadang kadang liputan internet tidak dapat menyempurnakan muat turun tersebut. Tambahan pula, masalah yang sering dihadapi oleh aplikasi Iffa Kitchen adalah ia hanya boleh digunakan oleh telefon pintar android sahaja kerana telefon pintar *iphone* akan menyekat aplikasi yang tidak dikenali.

4.4 KOS YANG TERLIBAT

Kos pelaksanaan projek merupakan kos yang terlibat bagi menyiapkan “aplikasi Iffa Kitchen”.

KEPERLUAN	KOS (RM)
Internet	50
Utiliti (bil api dan sebagainya)	20
Iklan (brochure dan lain-lain)	20
Perbelanjaan lain	30

4.5 RUMUSAN

Secara kesimpulan, bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian., perbinacangan serta kos yang terlibat mengenai inovasi aplikasi Iffa Kitchen. Fokus utama dalam bab ini adalah pada bahagian kelebihan, kekurangan aplikasi dan masalah yang dihadapi semasa proses pembangunan aplikasi tersebut. Setiap pembangunan aplikasi haruslah mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri.

BAB 5 : KESIMPULAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai cadangan dan kesimpulan hasil kajian Reka Bentuk aplikasi Iffa Kitchen yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang) bagi menghasilkan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan produk.

5.2 KESIMPULAN

Penggunaan aplikasi Iffa Kitchen ini mempunyai kelemahan dari segi kekurangan ciri-ciri dalam aplikasi ini tetapi dibangunkan untuk membantu memudahkan aktiviti perniagaan Iffa Cafe dalam menyelesaikan masalah pertukaran wang tunai kepada token kepada kaedah pembayaran secara atas talian. Aplikasi ini dicipta menggunakan platform *Mobin Cube* iaitu platform untuk mencipta aplikasi yang di inginkan.

Kelebihan aplikasi inovasi ini ialah pengguna boleh membuat pembayaran di atas talian tanpa menggunakan wang tunai. Ini kerana Iffa Cafe mempunyai masalah dari segi pertukaran wang tunai ke bentuk token. Oleh itu, antara kemudahan aplikasi ini ialah ia mudah diakses dengan hanya perlu mengimbas QR code di pesanan yang dipilih.

Aplikasi ini akan di muat turun sendiri oleh pengguna yang datang ke Iffa Cafe untuk melakukan pesanan. Setelah pertama kali digunakan mungkin ia akan dianggap sebagai perkara paling mudah dilakukan di kedai makanan. Kemudian, soalan di dalam aplikasi tersebut perlu diringkaskan dan tidak memerlukan masa yang banyak untuk di jawab.

Aplikasi Iffa Kitchen ini diharap mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan membantu memudahkan kerja semua yang terlibat dengan aktiviti perniagaan perkhidmatan makanan.

5.3 CADANGAN

Aplikasi Iffa Kitchen ini mempunyai kelebihan dan berkesan untuk membantu kedai Iffa Cafe dalam proses menambah profitnya sekaligus menjadi kedai makan yang terbaik dalam penggunaan aplikasi. Antara kelemahannya yang mungkin ada ialah liputan internet yang lemah akan menyebabkan pengguna sukar untuk memuat turun aplikasi Iffa Kitchen. Seterusnya, kelemahan dari segi soalan dalam aplikasi boleh diatasi dengan merombak kembali soalan yang berkaitan kepada soalan yang lebih relevan. Di samping itu, kelemahan dari segi ketidakupayaan akses melalui 'Google Play', hanya boleh diakses oleh pengguna android sahaja. Masalah ini dapat diatasi dengan mengenakan jumlah yang besar bagi pihak pengeluar. Akhir sekali, diharapkan aplikasi ini dapat membantu dan boleh diguna pakai oleh Iffa Cafe demi menjana ekonomi tanpa iklan berbayar.

5.4 LIMITASI PROJEK

5.4.1 Jumlah analisis kajian

Jumlah analisis kajian adalah terhad. Analisis projek ini hanya dijalankan di kawasan pusat perniagaan Sungai Petani, Kedah sahaja. Adalah lebih baik jika analisis ini dijalankan di seluruh negeri Kedah.

5.4.2 Penggunaan Produk

Aplikasi ini hanya boleh digunakan di restoren Iffa Café Sungai Petani, Kedah sahaja buat masa ini. Ia mungkin akan dikembangkan jika mendapat sambutan untuk dilakukan di setiap restoren Iffa Café yang ada.

5.4.3 Instrumen Kajian

Kajian ini hanya menggunakan satu kaedah pengumpulan data iaitu melalui soal selidik. Selain soal selidik pengkaji boleh mendapatkan maklumat melalui temubual atau lain-lain kaedah.

5.5 RUMUSAN

Secara dasarnya kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk inovasi aplikasi Iffa Kitchen yang dibangunkan untuk kegunaan pelanggan. Kajian ini mempunyai bab yang membincangkan mengenai proses membangunkan aplikasi Iffa Kitchen. Kertas kerja projek ini mengandungi lima (5) bab yang telah dibincangkan. Bab yang pertama membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian,

persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian tentang restoran Iffa Cafe. Bab yang kedua membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini seperti maklumat produk, proses pembangunan produk, pembaharuan produk dan kaedah kajian. Bab ketiga membincangkan mengenai analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan analisis dapatan kajian kedua. Seterusnya, bab keempat ialah mengenai analisis kewangan untuk projek yang dihasilkan, diikuti dengan impak produk dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan. Akhir sekali, bab kelima merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek dan cadangan serta penambahbaikan yang dilakukan oleh pengkaji.

RUJUKAN

Kami telah merujuk kepada beberapa rujukan dari buku, internet, artikel, dan lain-lain sumber yang dinyatakan di bawah untuk menyiapkan atau menyelesaikan kajian projek kami iaitu: -

- 1) <https://www.ftsm.ukm.my/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2018-129.pdf>
- 2) <http://engineering.utm.my/computing/proceeding/wp-content/uploads/sites/114/2018/04/Aplikasi-Pesanan-Makanan-Telefon-Pintar.pdf>
- 3) <https://ms.livingeconomyadvisors.com/284-what-is-organizational-development>
- 4) <https://media.neliti.com/media/publications/123796-ID-perancangan-aplikasi-e-canteen-berbasis.pdf>
- 5) <http://journalarticle.ukm.my/11411/>
- 6) <http://jki.uinsby.ac.id/index.php/jki/article/view/35>
- 7) <https://journal.kuim.edu.my/index.php/JBI/article/view/548>

LAMPIRAN 1

Maklum Balas Responden untuk Kajian Rintis.

Maklum Balas Dari Responden										
Soalan / Jawapan	Sangat Setuju		Setuju		Biasa		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	No	%	No	%	No	%	No	%	No	%
1. Adakah aplikasi Iffa Kitchen mudah untuk membuat pesanan ?	63.5	127	23.1	46.2	9.6	19.2	0	0	0	0
2. Adakah mudah untuk mengakses aplikasi Iffa Kitchen?	59.6	119.2	21.2	42.4	13.5	27	0	0	0	0

3. Adakah bahasa yang digunakan mudah untuk difahami ?	65.4	130.8	19.2	38.4	11.5	23	0	0	0	0
4. Adakah anda cepat mendapat respon melalui aplikasi ini ?	51.9	103.8	30.8	61.6	15.4	30.8	0	0	0	0
5. Adakah anda berasa sukar untuk berhubung dengan pekerja ?	25	50	0	0	30.8	61.6	25	50	15.4	30.8
6. Adakah aplikasi ini membazirkan masa anda ?	17.3	34.6	9.6	19.2	21.2	42.4	26.9	53.8	25	50
7. Adakah anda berasa aplikasi ini satu pembaziran tenaga ?	17.3	34.6	0	0	23	46.2	34.6	69.2	19.2	38.4
8. Adakah anda berasa sukar untuk membuat pesanan ?	21.2	42.4	0	0	28.8	57.6	26.9	53.8	19.2	38.4
9. Adakah info yang dinyatakan dalam aplikasi ini mudah dibaca ?	50	100	30.8	61.6	15.4	30.8	0	0	0	0
10. Adakah proses pembayaran melalui aplikasi ini mudah ?	46.2	92.4	30.8	61.6	19.2	38.4	0	0	0	0

LAMPIRAN 2

Maklum Balas Responden untuk Analisis Keperluan.

	Ya (%)	Tidak (%)
Kesukaran berhubung dengan pekerja	20%	80%
Pembaziran masa	10%	90%
Pembaziran tenaga	10%	90%
Kesukaran membuat pesanan	10%	90%
Mudah untuk membuat pesanan	100%	-
Mudah untuk mengakses aplikasi	100%	-
Bahasa yang mudah difahami	100%	-
Cepat mendapat respon	100%	-
Lain - lain (nyatakan)	-	-

LAMPIRAN 3

Gambar bersama pemilik restoran Iffa Cafe

